



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## **TEKS UCAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN KEMPEN BERSIH  
SETIAP TEMPAT WILAYAH PERSEKUTUAN**

**19 JANUARI 2025**

**PAVILION KUALA LUMPUR**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ  
الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ  
الْعَالَمِينَ،  
وَ الصَّلَاةُ  
وَ السَّلَامُ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
أَشْرَفٍ

المرسلين ،  
و على آلـه  
و صحبـه أجمعـين

Ketua Pengarah Jabatan Wilayah  
Persekutuan – Dato’ Indera Noridah Abdul  
Rahim

Datuk Bandar – Dato’ Seri Townplanner  
Maimunah Mohd Sharif

Ahli Parlimen Bukit Bintang – Saudara Yang  
Berhormat Fong Kui Lun

Ahli Parlimen Wangsa Maju – Saudara Yang Berhormat Teknologis Zahir Hassan

Dato' Joyce Yap – CEO Retail Pavilion KL  
(Terima kasih Dato' Joyce kerana bagi kerjasama yang sangat baik untuk kita jayakan program pagi ini di sini)

Profesor Dr. Haji Mohd Sazili Shahibi – TNC Hal Ehwal Pelajar UiTM  
(Tahniah dan terima kasih juga Prof kerana membantu menggembeleng pasukan sukarelawan mahasiswa rentas universiti pada pagi ini)

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah,  
Pengurusan Tertinggi DBKL, Wakil-wakil

komuniti, rakan-rakan media, para hadirin dan sukarelawan.

Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, pertama-tamanya mari kita sama-sama memanjatkan sepenuh kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini sempena Majlis Pelancaran Kempen Bersih Setiap Tempat atau singkatannya BeST.
2. Terima kasih saya ucapkan khusus kepada Dato' Indera Ketua Pengarah

*for speaking my mind* dan merealisasikan pelancaran Kempen BeST ini selaras dengan visi Bandar CHASE, di mana salah satu komponen utamanya adalah *Clean City* atau Bandar Bersih.

3. Saya difahamkan, bersama-sama kita pada pagi ini di perkarangan Pavilion ini adalah seramai kurang lebih 500 orang, sementara 1,500 orang lagi yang lain pula dipecahkan ke parlimen-parlimen dan telah pun bergerak ke PPR-PPR di sekitar Kuala Lumpur sejak awal pagi tadi.
4. Dalam masa yang sama, saya turut dimaklumkan, serentak pada waktu

sekarang juga, rakan-rakan kita dari dua lagi Wilayah Persekutuan, iaitu Putrajaya dan Labuan turut menyertai program BeST ini di tempat masing-masing. Tahniah kepada semua yang menjayakan inisiatif ini!

5. Saya percaya ini adalah satu permulaan yang baik untuk tahun 2025, iaitu dengan kita memulakan

kempen ini dan menjadikannya sebagai budaya yang perlu diteruskan merentasi masa, kerana kebersihan ini bukan sekadar kehendak, tetapi ini adalah keperluan dan malahan pula kebersihan juga adalah tuntutan dalam mana-mana agama sekali pun.

6. Saya juga ingin zahirkan ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Teknologi MARA, khususnya anak-anak dari Institut Pemimpin Muda UiTM

dan Bridged Sukarelawan UiTM Shah Alam yang telah pun mengetuai pasukan pengurusan kira-kira 1,000 orang sukarelawan mahasiswa dari universiti-universiti di Lembah Klang, termasuklah dari Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan juga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

7. Prof. Sazili, selepas ini kalau pelajar-pelajar UiTM nak adakan program CSR, khususnya program pembersihan seperti ini, insya-Allah, saya dan pimpinan Jabatan Wilayah

Persekutuan sangat mengalu-alukan kerjasama tersebut – boleh terus jumpa saya, kerana saya percaya pemupukan kebersihan ini perlu bermula dan dididik dari awal lagi.

**KEMPEN BEST PERLU DIADAKAN  
SECARA BERTERUSAN**

Para hadirin sekalian,

8. Seperti semua kita maklum, pada tahun 2025 ini, Malaysia telah pun mengambil alih Kepengerusian ASEAN. Kuala Lumpur sebagai ibu kota dan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan akan menerima jumlah delegasi ASEAN yang besar memandangkan sebanyak hampir 180 daripada 300 mesyuarat utama ASEAN, iaitu lebih separuh daripadanya, telah pun dijadualkan berlangsung di kedua-dua wilayah ini.
9. Sementelah, pada tahun depan, 2026, kita akan berhadapan pula dengan Tahun Melawat Malaysia, di mana seramai 35.6 juta pelancong asing dijangka akan melancong di Malaysia

dengan anggaran perbelanjaan domestik sekitar 147.1 bilion ringgit.

10. Justeru, kita, selaku Pihak Berkuasa Tempatan perlu lah bertindak menyokong hasrat Kerajaan ini khususnya bagi memberikan *tourist experience* atau pengalaman pelancongan yang terbaik buat mereka

yang akan datang ke Malaysia, terutamanya dengan menawarkan pengalaman bandar yang bersih kepada mereka. Ini juga membuka peluang yang besar untuk mempromosikan imej Wilayah Persekutuan sebagai destinasi bandar bersih dan *livable*.

11. Isu kebersihan ini telah ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Agong pada tahun lalu, di mana Baginda telah pun menitahkan supaya aspek kebersihan perlu diberi perhatian yang serius, khususnya di bandar raya Kuala

Lumpur ini. Hasrat ini juga turut dikongsi bersama oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya sendiri selaku Menteri yang bertanggungjawab kepada Wilayah Persekutuan, serta selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

12. Justeru, kita datangkan idea Kempen BeST ini. Namun, saya minta untuk kempen ini diadakan secara berterusan dan bulanan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Dato' Indera Ketua Pengarah, saya minta untuk selaraskan kempen ini agar ia dijadikan budaya yang berterusan. Saya tak

mahu kempen ini hanya sekadar retorik  
dan tamat lepas pelancaran hari ini.

**SAMBUTAN            HARI            WILAYAH  
PERSEKUTUAN GARISKAN LEBIH 60  
PROGRAM**

Para hadirin sekalian,

13. Kurang lebih 13 hari sahaja lagi, kita akan menyambut Hari Wilayah Persekutuan yang ke-51. Saban tahun, sambutan ini akan dimulakan dengan

Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan. Justeru, pada hari ini, saya juga akan lancarkan kempen tersebut sebagai memulakan aktiviti Sambutan Hari Wilayah Persekutuan bagi tahun 2025 ini.

14. 51 tahun penubuhan Wilayah Persekutuan telah menyaksikan pelbagai cabaran dan kejayaan. Ketiga-tiga wilayah ini ada keunikan dan nilainya yang tersendiri, di mana, Kuala Lumpur sebagai ibu kota negara, Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Labuan pula sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa.

15. Tahun ini, kita angkat tema ‘Wilayah Persekutuan Kita’, di mana ia memberi maksud yang jelas bahawa Wilayah Persekutuan ini adalah milik kita bersama dan kita semua ada peranan masing-masing kepada ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.
16. Mungkin Kuala Lumpur dan Putrajaya kita dah biasa dengannya. Tetapi, jangan dilupa juga Labuan, *the Pearl of Borneo*, juga merupakan sebahagian dari Wilayah Persekutuan. Saya jemput kepada yang belum pernah ke Labuan, untuk ambil peluang meneroka keindahan dan pesona pulau Labuan. Dato’ Joyce dan Prof. Sazili pun kena ke Labuan kalau belum

pernah ke sana. Datuk Bandar pun sama.

17. Pada Hari Wilayah Persekutuan tahun ini, Jabatan Wilayah Persekutuan telah pun merangka lebih 60 program sepanjang bulan Februari ini. Jadi, saya jemput semua untuk turut sama-sama menyertai aktiviti-aktiviti yang akan dianjurkan.

## **PENUTUP**

Para hadirin sekalian,

18. Sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada semua pihak yang telah pun berjaya merealisasikan Kempen BeST ini. Penglibatan komuniti, pihak swasta, NGO dan semua pihak berkepentingan adalah perlu bagi menjayakan inisiatif ini. Kebersihan ini sebahagian

daripada iman kita, jadi kita perlu istiqamah dalam melaksanakannya.

19. Inilah antara *substantial value* yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam kerangka Malaysia MADANI di mana, kita tidak hanya mahu dan berlumba-lumba dengan tingginya pencakar langit serta lambakan infrastruktur canggih dan moden sahaja, tetapi ketamadunan MADANI itu lahir dari perkara sekecil-kecilnya, iaitu dengan menjaga kebersihan. Insya-Allah ini

akan jadi sebahagian dari jariah yang kita laksanakan.

20. Hadirin sekalian, sebelum mengakhiri ucapan, rasanya belum terlambat untuk saya ucapkan Selamat Tahun Baru 2025 kepada semua dan Selamat Tahun Baru Cina, Gong Xi Fa Cai dan Xin Nian Kuai Ler kepada semua yang menyambutnya.
21. Untuk itu, dengan lafaz mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini menyempurnakan Majlis

Pelancaran Kempen Bersih Setiap  
Tempat Wilayah Persekutuan.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah  
wassalamu'alaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.